

LAPORAN PROJEK TAHUN AKHIR
DIPLOMA KEJURUTERAAN MEKANIKAL (PEMBUATAN)
FAKULTI KEJURUTERAAN MEKANIKAL
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
SHAH ALAM SELANGOR

PEMILIHAN INSTITUT PENGAJIAN TINGGI AWAM DALAM
BIDANG SAINS DAN TEKNOLOGI MENGGUNAKAN
KAEDAH PENGKADARAN FAKTOR

OLEH:

NOR AZRUL B.TAJIB	98079510
MOHAMAD HELMI B. MINHAD	98079270
MOHD. ZULHAIR B. ROBANI	98079430

PENASIHAT :

TUAN HAJI MD. FUAD B. BAHARI

MEI 2001

PENGHARGAAN

Bismillahirrahmanirrahim

Alhamdulillah, syukur kami kehadiran Hani kerana dengan limpah kurnia dan izinNya kami dapat menyiapkan projek akhir ini. Dikesempatan ini kami ingin mengucapkan jutaan terima kasih yang tak terhingga terutama kepada Tn. Hj. Md. Fuad Bahari selaku penasihat projek yang sentiasa membenkan tunjuk ajar dan pandangan serta bimbingan dari peringkat perancangan sehinggalah terlaksananya projek ini.

Kami juga menghargai sumbangan dan kerjasama yang diberikan oleh Cik Zur'ra Akma Abd. Jalil dari Pusat Maklumat Bersepadu UiTM Shah Alam, Tn. Hj. Zolkify Othman dari UTM Skudai, En. Husalshah Rizal Hussian dari UPM Serdang dan Pn. Syarifah Fatimah Syed Ahmad dari UM Kuala Lumpur dalam mendapatkan maklumat dan fakta-fakta yang diperlukan dalam kajian ini. Tidak lupa juga ucapan terima kasih kami kepada mereka yang telah memberikan kerjasama serta terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan projek ini.

SINOPSIS

Projek yang bertajuk "Pemilihan IPTA Dalam Bidang Sains dan Teknologi Menggunakan Kaedah Pengkadaran Faktor" adalah bertujuan untuk menentukan faktor-faktor utama dalam pemilihan IPTA bagi pelajar-pelajar lepasan SPM dalam bidang Sains dan Teknologi.

Projek ini menumpukan kepada bidang Sains dan Teknologi kerana bidang ini sangat penting bagi negara pada masa sekarang dan akan datang. Dalam analisa yang dibuat menunjukkan bidang Sains dan Teknologi dapat memberikan pendapatan yang lumayan dalam pekerjaan. Selain daripada itu, hanya empat buah IPTA daripada sepuluh buah yang termasuk dalam kajian ini iaitu Universiti Teknologi MARA, Universiti Teknologi Malaysia, Universiti Malaya dan Universiti Putra Malaysia. Universiti-universiti ini dipilih berdasarkan kepada faktor-faktor yang lebih kurang sama yang dimiliki oleh universiti-universiti tersebut.

Pada kebiasaannya para pelajar lepasan SPM akan memilih sesebuah IPTA atau IPTS berdasarkan kepada pengaruh daripada ibubapa sendiri. Kadangkala berlaku juga di mana mereka memilih IPTA mengikut rakan-rakan mereka dan bukannya atas kehendak mereka sendiri. Ini boleh menyebabkan mereka rasa menyesal kemudiannya apabila tidak berjaya menamatkan pengajian di sesebuah IPTA yang mereka masuki. Kajian seperti ini akan dapat memberikan maklumat penting yang boleh dijadikan panduan bagi mereka dalam memilih IPTA yang bersesuaian dengan pencapaian dan potensi mereka.

Projek ini dibahagikan kepada enam bab iaitu Latar Belakang Kajian, Rekabentuk Kajian, Pemilihan IPT, Faktor-faktor Dalam Pemilihan IPTA, Teknik Pengkadaran Faktor serta Perbincangan dan Rumusan. Bab 1, menerangkan tentang pengenalan latar belakang kajian dan objektif kajian. Bab 2, menerangkan tentang pengenalan kepada rekabentuk kajian, kepentingan kajian, strategi kajian, skop dan keterbatasan kajian. Pemilihan IPTA yang dikaji, pemilihan IPTA oleh pelajar lepasan SPM dan pemilihan IPTA oleh UPU pula diterangkan dalam Bab 3. Bab ini juga mengandungi tatacara perancangan dan pelaksanaan projek.

Faktor-faktor dalam pemilihan IPTA disertakan dalam Bab 4, dimana bab ini menerangkan bagaimana faktor-faktor utama dalam pemilihan IPTA diperolehi serta perbandingan faktor-faktor tersebut antara IPTA yang dikaji dalam projek ini. Bab 5 pula menerangkan teknik pengkadaran faktor yang menyatakan bagaimana teknik itu dilaksanakan termasuk kaedah mengkuantiti faktor, kaedah menentukan skor, skor bagi faktor-faktor serta nilai markah terkumpul daripada pengiraan. Bantuan daripada pakar dalam menentukan pemberat juga diperolehi untuk menjadikan kajian ini lebih berkesan. Perbincangan dan rumusan tentang analisa yang dilakukan terdapat dalam bab akhir iaitu Bab 6.

JADUAL KANDUNGAN

	MUKA SURAT
PENGESAHAN PROJEK	i
PENGHARGAAN	ii
SINOPSIS	iii
JADUAL KANDUNGAN	v
SENARAI KEPENDEKAN PERKATAAN	vi
1.0 LATAR BELAKANG KAJIAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Objektif Kajian	2
2.0 REKABENTUK KAJIAN	
2.1 Pengenalan	3
2.2 Kepentingan Kajian	5
2.3 Strategi Kajian	6
2.4 Skop Dan Keterbatasan	7
3.0 PEMILIHAN IPT	
3.1 Pemilihan IPTA	8
3.2 Pemilihan IPTA Oleh Pelajar	9
3.3 Pemilihan IPTA Oleh UPU	10
3.4 Pelaksanaan Projek	12
4.0 FAKTOR-FAKTOR DALAM PEMILIHAN IPTA	
4.1 FaktorUmum	14
4.2 Faktor Utama	32
4.3 Perbandingan Faktor Di Antara IPTA	42
5.0 TEKNIK PENGKADARAN FAKTOR	
5.1 Langkah-Langkah Pelaksanaan	51
5.2 Kaedah Menentukan skor	52
5.3 Skor Bagi Faktor-Faktor	54
5.4 Menentukan IPTA Terbaik	55
6.0 PERBINCANGAN DAN RUMUSAN	79
BIBLIOGRAFI	83
LAMPIRAN	85